

# **Melindungi Anak-anak di Alam Siber**

**Oleh: Redy Jeffry Mohamad Ramli**

**CyberSecurity Malaysia**

*(Artikel ini telah disiarkan di dalam Estidotmy, 27 Disember 2007)*

“Ayah, gay itu apa?” Apakah agaknya jawapan anda apabila anak perempuan anda yang berusia tujuh tahun mengajukan soalan tersebut? Anda mungkin mempunyai jawapan kepada soalan itu. Namun bagaimanakah anda akan memberitahunya?

Sebagai ibubapa, anda perlu bersedia untuk mendengar dan menjawab soalan sebegini.

Bagi kanak-kanak di peringkat usia ini, pelbagai persoalan bermain di fikiran mereka dan ibu bapa adalah merupakan sumber utama bagi anak-anak untuk mendapatkan jawapannya.

Kebiasaannya kanak-kanak akan terus bertanya mengenai sesuatu perkara yang bermain di fikiranya sehingga dia merasa puas dengan jawapan yang diberikan.

Dalam sesetengah kes, ada ibu bapa memberi pelbagai alasan untuk tidak menjawab soalan daripada anak-anak.

Apatah lagi jika soalan tersebut menyentuh isu berkaitan seksual yang dianggap tabu dalam masyarakat kita.

Sama ada kerana malu atau tidak tahu jawapannya, ibu bapa tadi mengambil jalan mudah dengan melarang anak-anak daripada terus bertanya. Bagi ibu

bapa, tindakan menghalang anak-anak daripada terus bertanya adalah 'jawapan' kepada soalan yang diajukan oleh anak-anak.

Awas! Jika anda berhadapan dengan senario ini dan mengambil jalan mudah dengan melarang anak-anak daripada terus bertanya, anda sebenarnya bukan menamatkan rasa ingin tahu anak-anak sebaliknya membuat mereka terus ingin tahu.

Rasa ingin tahu yang membuka-buka akan mendorong anak anda untuk mencari sumber lain yang boleh memberikannya jawapan. Anak anda mungkin akan bertanya pada adik-beradik atau keluarga terdekat yang lain untuk mendapatkan jawapan.

Tapi bayangkan jika anak anda mencari jawapan tentang *gay* dengan menaip perkataan '*gay*' di laman web enjin gelintar *Google*.

Mengungguli senarai carian *Google* apabila perkataan '*gay*' dicari ialah *Gay.com*, iaitu gerbang global bagi mereka yang mengamalkan gaya hidup gay, lesbian, dan biseksual.

Laman web ini diwujudkan bagi memberi informasi kepada mereka yang mengamalkan gaya hidup songsang itu serta bagi mereka yang ingin tahu apa sebenarnya gaya hidup songsang tersebut.

Bayangkan jika anak perempuan anda yang ingin tahu mengenai gay melayari laman web tersebut. Bagi kanak-kanak berusia tujuh tahun, kebanyakan kandungan di laman web *Gay.com* itu sukar difahami sementelah ia menggunakan bahasa Inggeris.

Tapi jangan ambil mudah 'penemuan' anak anda itu kerana dia sebenarnya telah diperkenalkannya dengan satu alam baru yang memberinya seribu macam lagi persoalan untuk dijawab.

Sekiranya *Gay.Com* tidak memberi anak anda sebarang jawaban kepadanya, bayangkan pula senario ini.

Menduduki tangga kedua carian *Google* tadi adalah laman web *Wikipedia*, yang menerangkan makna gay manakala tangga ketiga hingga kesembilan adalah laman-laman web yang mengandungi maklumat tentang homoseksual, filem, berita, premis hiburan, blog, video dan sukan yang kesemuanya khas untuk golongan yang mengamalkan cara hidup songsang gay.

Anda sebagai ibu atau bapa, adakah senario di atas tidak mencetuskan kebimbangan di hati? Sesungguhnya anda wajib merasa bimbang apatah lagi jika anda mahu anak anda mengetahui apa yang perlu sahaja mengenai gay dan bukannya keseluruhan gaya hidup gay.

Menerokai dunia internet tanpa persediaan baik dari segi ilmu, panduan dan perlindungan boleh diibaratkan seperti membuka 'kotak pandora', apatah lagi bagi kanak-kanak.

Jika senario di atas diambilkira dan anak-anak anda dibiarkan menerokai internet tanpa sebarang panduan, pengawasan dan perlindungan keselamatan, mereka bukan sahaja terdedah kepada maklumat mengenai dunia gay, malah pintu dunia pornografi sedikit demi sedikit terbuka hanya dengan satu klik tetikus.

Isu pornografi di internet bukan baru semalam dibincangkan. Perjuangan untuk menangani isu pornografi di internet sama besar dan pentingnya dengan tanggungjawab memerangi ancaman seperti serangan virus, kod berbahaya, penipuan dalam talian, penggodaman, pencurian identiti, *phishing* dan pelaburan internet.

Namun sebagai seorang ayah atau ibu, kebimbangan terhadap pendedahan kepada dunia pornografi adalah lebih utama.

Tidak seperti ancaman lain yang disebut di atas, pornografi baik dalam apa bentuk sekalipun hanya mendatangkan pengaruh negatif kepada penggemarnya, apatah lagi kepada kanak-kanak.

Di Malaysia, pornografi di internet walaupun belum boleh dianggap di tahap serius, namun situasi sekarang cukup membimbangkan.

Laman web lucah yang memaparkan gambar dan klip video khasnya yang berformat 3gp semakin mudah ditemui di alam siber.

Apa yang mengaibkan ialah pelaku dalam gambar dan klip video tersebut adalah di kalangan rakyat tempatan, khasnya golongan remaja terutama remaja Melayu.

Soal bagaimana rakaman klip video atau gambar tersebut dilakukan adalah soal lain.

Persoalan utama sekarang ialah bagaimana kita sebagai pengguna dan ibu bapa mahu membendung anak-anak daripada melayari laman web ini yang bukan sahaja mudah diwujudkan malah memuat naik atau turun klip video atau gambar berkenaan boleh dilakukan dalam masa yang singkat khasnya melalui teknologi blog.

Bayangkan jika anak-anak anda terjumpa klip video atau gambar lucah rakyat tempatan ini semasa membuat pencarian di Google.

Bermula dengan pertanyaan "apa itu *gay*?" anak anda akan menemui banyak lagi bahan-bahan berunsur negatif di internet jika anda tidak melakukan sesuatu untuk menghalang anak anda menemui bahan-bahan tersebut sedari mula.

Apa pula yang akan anak anda temui jika dia menaip perkataan 'seks' atau 'sex' di Google?

Anda tentu tidak mahu anak-anak anda mengklik senarai pertama hasil carian bagi kedua-dua perkataan tersebut kerana seperti juga perkataan 'gay', dua perkataan itu juga akan membawa anak anda menonton klip video yang mengandungi keluahan yang melampau.

Jadi sediakanlah jawapan bagi apa juga soalan tentang 'seks' sebelum anak anda mencarinya di internet.

Keupayaan anak-anak zaman sekarang menggunakan komputer kadang-kala membuat ibu bapa jauh ketinggalan dalam dunia internet ini. Jangan memandang rendah kebijaksanaan anak-anak anda walapun dia baru berusia tujuh tahun.

Kanak-kanak zaman sekarang tidak seperti kanak-kanak yang lahir sekitar tahun 1970-an yang hanya baru mengenal komputer sekitar tahun 90-an. Komputer bagi kanak-kanak zaman ini bukanlah sesuatu yang asing.

Apatah lagi sekiranya anda sebagai bapa atau ibu yang mempunyai komputer peribadi (PC) atau komputer riba berserta talian internet di rumah.

Anda harus menerima hakikat bahawa hari ini internet memungkinkan anak anda mendapat apa juga jawapan kepada persoalan yang bermain di fikirannya. Ini sudah pasti memudahkan tugas anda sebagai ibu bapa kerana internet boleh menjawab soalan-soalan tersebut bagi pihak anda.

Namun persoalannya adakah anda bersedia menghadapi kesan daripada 'jawapan' yang ditemui oleh anak anda di internet? Ini kerana 'jawapan' di internet tidak diklasifikasikan mengikut betul atau salah.

Internet ibarat sebatang sungai. Di dalamnya terdapat pelbagai khazanah yang memberi manfaat dan tidak kurang juga yang memudaratkan.

Jika anda mahu anak-anak anda terjun ke dalam sungai sama ada untuk mandi atau menangkap ikan, pastikan anda mengajarnya berenang atau memberitahu mereka tentang ikan-ikan mana yang boleh ditangkap terlebih dahulu.

Begitu jugalah dengan internet. Lengkapkanlah anak anda dengan persediaan yang membolehkan dia membezakan antara yang betul dan salah atau setidak-tidaknya sediakan perlindungan untuknya sebelum dia memasuki sungai yang bernama internet itu.